

17 SEP 1996

USAHA SAMA MALAYSIA-ZIMBABWE TANDATANGANI KONTRAK PERUMAHAN RM125 JUTA

Oleh: Leong Koon Choy

HARARE, 17 Sept (Bernama) -- Sebuah syarikat usaha sama Malaysia-Zimbabwe akan membina 10,000 unit rumah kos rendah dalam satu projek bernilai Z\$500 juta (kira-kira RM125 juta) yang diharapkannya merupakan permulaan bagi banyak lagi projek di masa akan datang.

ZimMal Holdings Pte Ltd, yang diketua oleh Dr Hassan Ali, iaitu pemaju hartanah yang pada mulanya seorang jurutera, menandatangani perjanjian itu di sini hari ini dengan pegawai-pegawai dari majlis perbandaran Bulawayo, iaitu bandar kedua terbesar di Zimbabwe.

Upacara itu telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menamatkan lawatan lima hari ke negara Afrika Selatan itu hari ini. Perdana Menteri berada di sini untuk menghadiri Sidang Puncak Solar selama dua hari yang berakhir hari ini.

Projek tersebut merupakan pembangunan perumahan utama yang pertama dilaksanakan di negara ini oleh sebuah syarikat asing, dan menurut Dr Hassan ia juga unik kerana ia memperkenalkan di Zimbabwe konsep pihak asing berkongsi dengan rakan usaha sama pribumi tempatan mengikut kaedah dasar penyertaan 30 peratus Bumiputera.

Beliau menambah kata bahawa 10,000 unit yang sedang dibina di Cowdray Park, Bulawayo, dijangka merupakan hanya peringkat pertama daripada lima peringkat rancangan raksasa yang melibatkan sejumlah 50,000 unit. Kerja-kerja dijangka bermula menjelang November dan dijangka siap dalam tempoh setahun.

Dr Hassan akan melibatkan tiga buah syarikat lagi bagi membekalkan sistem pasang siap bagi projek tersebut -- KKM Investment Ltd yang berpangkalan di Singapura, Air Stone (Asia) Ltd yang berpangkalan di Australia dan Salam Properties Sdn Bhd dari Malaysia.

Katanya ZimMal juga akan melabur Z\$10 juta (kira-kira RM2.5 juta) bagi membina sebuah kilang batu bata di sini untuk membekalkan bahan-bahan yang diperlukan bagi projek tersebut yang kebanyakannya menggunakan bahan dan tenaga kerja tempatan.

Kos yang rendah dan sistem pasang siap pemaju akan membolehkannya memasarkan rumah-rumah di bawah fasa pertama pada harga yang termampu iaitu

Perumahan, terutama unit kos rendah, merupakan salah satu keutamaan kerajaan Zimbabwe kerana negara itu menghadapi kekurangan 1.9 juta unit kos rendah bagi bilangan penduduk yang berjumlah kira-kira 11 juta.

Pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham ZimMal yang lain ialah pengarah urusan Christopher Tiong, pengarah eksekutif Jacqueline Tai, Ismail Kassim dan Zul Akmal Adnan dari Malaysia serta Prof Makhurane Sibanda dan Themba Sibanda dari Zimbabwe.

Lama kelamaan, ZimMal berharap untuk menneceburi pembangunan prasarana seperti projek air dan empangan, perkhidmatan kewangan termasuk pebankan dan pembrokeran serta pengangkutan dan perhubungan. -- BERNAMA

LKC KY MA